

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan membuka semula pintu sempadan negara dan unjuran pemulihan ekonomi yang diperoleh negara pada tahun hadapan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembukaan sempadan negara dibuat secara berhati-hati berdasarkan penilaian risiko semasa jangkitan COVID-19 dalam negara oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mengambil kira maklumat situasi COVID-19 dari negara asal pengembara.
2. Dalam hubungan ini, pembukaan pintu sempadan negara untuk aktiviti perdagangan, perniagaan dan pelancongan sentiasa di dalam agenda kerajaan. Ia juga diteliti dan dibincangkan dalam Pelan Pemulihan Negara. Ini dapat dilihat apabila *One Stop Centre* (OSC) diwujudkan di bawah seliaan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) bagi menilai permohonan oleh pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga telah melancarkan inisiatif *Vaccinated Travel Lane* (VTL) udara dan darat bermula pada 29 November 2021. Selain itu, Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi telah dibuka mulai 15 November 2021.
3. Pada 26 November 2021, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan varian B.1.1.529 sebagai *Variant of Concern* (VOC) dinamakan Omicron. Penularan Varian ini telah dikesan pada kadar lebih pantas daripada varian lain. Varian ini juga berkemungkinan mempunyai risiko lebih tinggi untuk jangkitan semula (*re-infection*) berbanding VOC lain.
4. Pada masa ini, WHO sedang menjalankan kajian lanjut melibatkan penilaian kebolehjangkitan, keterukan jangkitan (termasuk simptom), prestasi vaksin dan ujian diagnostik dan keberkesanan rawatan bagi varian baharu ini.

5. Susulan perkembangan semasa varian baharu tersebut, Kerajaan telah mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan sempadan bagi pengembara yang tiba di pintu masuk negara iaitu:

- i. Sekatan penerbangan terus atau transit dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan berkuatkuasa mulai 27 November 2021.
  - a) KKM pada 26 November 2021 telah menyenaraikan negara berikut: Afrika Selatan, Botswana, Estawini, Lesotho, Mozambique, Namibia dan Zimbabwe.
  - b) Pada 1 Disember 2021, negara Malawi tersenarai menjadikan jumlah negara terkini dalam senarai sekatan perjalanan adalah sebanyak 8 buah iaitu Afrika Selatan, Botswana, Estawini, Lesotho, Mozambique, Namibia, Zimbabwe dan Malawi.
- ii. Sekatan perjalanan sementara untuk pengembara bukan warganegara Malaysia dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron yang disenaraikan atau pengembara yang mempunyai sejarah pejalanan ke negara-negara tersebut dalam tempoh 14 hari sebelum ketibaan.
- iii. Tiada sekatan kemasukan bagi warganegara Malaysia dan pemegang pas lawatan jangka panjang yang melibatkan *PR status*, *spouse visa*, *MM2H* dan pas residen adalah tertakluk kepada syarat berikut:-
  - a) Perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin tanpa mengira status vaksinasi;
  - b) Perlu melakukan ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR 72 jam sebelum berlepas, semasa ketibaan di pintu

masuk antarabangsa (PMA) dan pada hari ke-10 tempoh kuarantin wajib; dan

- c) Penilaian risiko pada hari ke-14 tempoh kuarantin wajib dan akan dilanjutkan tempoh kuarantin sekiranya bergejala.
  - iv. Pengembara warganegara Malaysia yang merancang melawat ke negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan adalah tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan mereka.
  - v. Menangguhkan perancangan untuk mewujudkan *Vaccinated Travel Lane* (VTL) dengan negara yang dikenalpasti melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan.
6. Dengan penetapan tersebut, kerajaan akan mengenakan kawalan sempadan antarabangsa yang lebih ketat ke atas negara-negara yang telah melaporkan penyebaran varian Omicron.
7. Jelas di sini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan sentiasa produktif dalam membuat pertimbangan pembukaan semula sempadan negara dan meneliti secara berhati – hati dan tidak terburu – buru. Akhir sekali, pihak Kerajaan ingin memaklumkan bahawa segala ketetapan pembukaan sempadan ini adalah bersifat dinamik yang mana boleh berubah dari semasa ke semasa sekiranya didapati kes COVID-19 di negara luar meningkat demi menjamin keselamatan dan kesihatan Keluarga Malaysia juga.

Sekian, terima kasih.